



PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

TINGKAT 6 WISMA SRI PAHANG,
25990 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.

No. Tel : +609 512 6800 No. Faks : 609 513 4839

Email : pkn@pahang.gov.my


Laman Web : <http://pkn.pahang.gov.my>



UCAPAN YAB MENTERI BESAR PAHANG

BAJET 2019

PAHANG DARUL MAKMUR



UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2019

Oleh

**YAB DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
MENTERI BESAR PAHANG**

**KETIKA MEMBENTANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2019) 2018**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
PADA ISNIN, 19 NOVEMBER 2018**

UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2019

YAB MENTERI BESAR PAHANG

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah inayahNYA kita dapat hadir ke Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas yang dapat dilaksanakan pada hari ini. Pada sidang kali ini, Insya Allah saya akan membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Darul Makmur bagi Tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam Belanjawan 2019, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sejumlah RM314.5 bilion, di mana RM259.8 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus sementara RM54.7 bilion adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini tidak termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion.
2. Di bawah Peruntukan Pembangunan, Sektor Ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM29.2 bilion yang merangkumi pengangkutan, perdagangan, industri, tenaga dan kemudahan awam dan pertanian. Sektor Sosial akan menerima sejumlah

RM15.2 bilion. Manakala, Sektor Keselamatan diperuntukkan RM7.1 bilion, dan Sektor Pentadbiran Am sebanyak RM3.2 bilion.

3. Kutipan Hasil Negara bagi tahun 2019 termasuk dividen khas PETRONAS dijangka lebih tinggi sebanyak RM261.8 bilion atau 17.1 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
4. Dalam pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu, Kerajaan Pusat akan melaksanakan perkongsian 50 peratus hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima dengan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas pengumuman tersebut.
5. Saya juga mengharapkan agar projek-projek yang telah diputuskan sebelum ini seperti pembinaan Hospital Bersalin dan Kanak-kanak di Tanjung Lumpur, Hospital Maran dan projek-projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Cost Economic Region – ECER*) dapat diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

6. Menurut Laporan Buletin Suku Tahunan 2018 oleh Bank Negara, ekonomi Malaysia secara keseluruhannya merekodkan pertumbuhan stabil antara 4 hingga 5 peratus dalam tempoh suku tahun pertama dan kedua 2018. Ia berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.5 peratus pada suku kedua 2018 disebabkan oleh gangguan bekalan dalam sektor perlombongan dan pengeluaran pertanian yang lebih rendah. Bagi sektor pertanian, pengeluaran telah terjejas oleh kekangan bekalan dan keadaan cuaca yang tidak

menentu. Dari segi permintaan, pertumbuhan menjadi lembab disebabkan oleh pelaburan awam dan pertumbuhan eksport bersih yang lebih rendah.

7. Namun demikian, aktiviti sektor swasta dan semua sektor ekonomi utama terus berkembang dan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2018. Perbelanjaan sektor swasta pada suku tahun kedua, 2018 terus kukuh dan berkembang sebanyak 7.5 peratus. Keadaan ini disokong oleh aktiviti sektor swasta yang lebih giat dan didorong oleh keadaan upah dan guna tenaga yang terus kukuh. Prestasi yang lebih baik ini disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, keadaan permintaan yang teguh dan penggunaan kapasiti pada kadar yang tinggi.
8. Secara keseluruhannya, dari segi prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka terus kukuh. Aktiviti pelaburan dijangka disokong oleh penambahan kapasiti pengeluaran terutamanya dalam industri berorientasikan eksport serta projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan. Sektor luaran akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang berterusan, meskipun terdapat risiko yang timbul berikutan ketegangan perdagangan yang meruncing.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

9. Tema Belanjawan Negeri pada tahun 2019 ialah **"#MajuTerusPahang: Transformasi Perkhidmatan, Menjana Pendapatan, Memakmurkan Kehidupan."**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

10. Negeri Pahang merupakan negeri yang menyumbang secara konsisten kepada pertumbuhan KDNK negara dan pada tahun 2017 telah berkembang sebanyak 7.8 peratus berbanding dengan KDNK negara iaitu 5.9 peratus. Ini menunjukkan ekonomi Negeri Pahang telah mendapat limpahan positif dan pengekalan prestasi yang baik dalam ekonomi Malaysia.
11. Antara penyumbang utama kepada perkembangan ini adalah peningkatan pelaburan domestik terutama daripada sektor swasta melalui Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment - FDI*) mahupun Pelaburan Langsung Domestik (*Domestic Direct Investment - DDI*).
12. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri Pahang mencatatkan sebanyak lima puluh (50) pelaburan yang diluluskan berjumlah RM3.8 bilion terdiri daripada pelbagai sektor antaranya sektor perindustrian, pelancongan, pertanian dan pembangunan.
13. Bagi tahun 2018 pula, terdapat peningkatan dari segi jumlah nilai pelaburan di Negeri Pahang yang merangkumi pelbagai sektor

antaranya pelancongan, pengangkutan dan pembangunan. Sehingga 30 September 2018, Negeri Pahang mencatatkan sejumlah tiga puluh enam (36) pelaburan yang bernilai RM10.41 bilion. Antara pelaburan komited berimpak tinggi yang dicatatkan di Negeri Pahang pada tahun 2018 adalah Cadangan Pembangunan KotaSAS 2 bernilai RM2.58 bilion dan Cadangan Projek Lapangan Terbang Tioman bernilai RM1.5 bilion.

14. Angka-angka pelaburan yang dicatatkan ini menunjukkan bahawa Negeri Pahang adalah antara destinasi pelaburan yang kompetitif bagi para pelabur. Angka ini dijangka akan terus meningkat dengan inisiatif-inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri khususnya dan juga Kerajaan Pusat amnya bagi meningkatkan pelaburan di Negeri Pahang.
15. Rancangan Malaysia Ke-11 digubal berpandukan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi yang berasaskan modal. Tumpuan Rancangan Malaysia Ke-11 adalah terhadap pelaksanaan program dan projek yang berimpak tinggi, boleh dilaksanakan dengan pantas serta kos yang rendah kepada kerajaan. Bagi *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2018), sebanyak 291 projek dengan nilai peruntukan pembangunan melebihi RM2.6 bilion telah diluluskan di Negeri Pahang melalui agensi-agensi pelaksana.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

16. Sehingga 15 November 2018, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM568.5 juta berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM700.64 juta iaitu pencapaian sebanyak 81.2 peratus. Dalam tempoh yang sama Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM505.03 juta berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM700.04 juta iaitu pencapaian sebanyak 72.1 peratus untuk Perbelanjaan Mengurus dan sejumlah RM30.1 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan sasaran RM58.5 juta bersamaan dengan pencapaian prestasi 51.5 peratus.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

17. Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, Belanjawan 2019 akan menyediakan peruntukan berjumlah RM679.46 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM98.05 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan. Daripada RM98.05 juta tersebut, sejumlah RM63.75 juta akan menggunakan pembiayaan Cara Langsung, manakala baki RM34.30 juta adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bekalan Air. Tumpuan peruntukan ini dikhususkan untuk projek-projek sambungan dan program-program sedia ada.
18. Daripada jumlah RM679.46 juta yang diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus itu, RM315.33 juta adalah untuk Emolumen dan RM161.66 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan. Manakala,

- sebanyak RM191.38 juta lagi adalah untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Sebanyak RM7.61 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Lain dan RM3.48 juta untuk Pembelian Aset. Anggaran Perbelanjaan Mengurus untuk 2019 berkurang sebanyak RM20.58 juta atau 3 peratus berbanding 2018. Ini merupakan langkah Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar penjimatan tetapi pada masa yang sama tidak mengabaikan kebajikan rakyat.
19. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri dijangka mengutip hasil sebanyak RM703.80 juta iaitu peningkatan sebanyak RM3.16 juta atau 0.45 peratus berbanding anggaran tahun 2018. Kutipan hasil tahun 2019 dijangka diperolehi daripada Hasil Tanah dan Galian sebanyak RM388.80 juta; Hasil Perhutanan sebanyak RM150.70 juta; Hasil Air sebanyak RM2.70 juta; Geran dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM115 juta; dan lain-lain hasil sebanyak RM46.60 juta. Kutipan Hasil Negeri dijangka akan mengalami peningkatan apabila Kerajaan Negeri menguatkuasakan kutipan cukai, premium dan hasil baru bagi hasil tanah, hasil hutan dan duti hiburan. Bagi memperkukuhkan kutipan hasil, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan langkah-langkah yang lebih agresif untuk mengurangkan tunggakan dan ketirisan.
20. Kesimpulannya, Belanjawan 2019 menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM703.80 juta. Perbelanjaan mengurus dijangka sebanyak RM679.46 juta. Oleh itu, lebih Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM24.34 juta. **Maknanya pada tahun 2019 kita akan ada lebihan (*surplus*).**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

21. Saya ingin menyentuh serba ringkas tentang petunjuk ekonomi. Negeri Pahang telah merekodkan pertumbuhan mapan sebanyak 7.8 peratus pada tahun 2017 berbanding 2.0 peratus pada tahun 2016.
22. Sektor Perkhidmatan meningkat 6.2 peratus dipengaruhi oleh subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dan Perkhidmatan Lain.
23. Sektor Pertanian menunjukkan peningkatan kepada 12.0 peratus berbanding pertumbuhan negatif 6.2 peratus yang telah dicatat pada tahun 2016 susulan daripada peningkatan pengeluaran kelapa sawit.
24. Selain itu, Sektor Pembuatan juga mencatatkan pertumbuhan lebih baik iaitu 6.5 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh aktiviti pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan, di samping pertumbuhan Subsektor Bahan Kimia dan Produk serta Kenderaan Bermotor dan Peralatan Pengangkutan.
25. Sektor Pertanian merekodkan nilai ditambah berjumlah RM12.3 bilion pada tahun 2017. Nilai tersebut meningkat berbanding RM11.0 bilion pada tahun 2016.
26. Sektor Perlombongan dan Kuari mencatatkan nilai pada harga malar sebanyak RM591.8 juta berbanding RM733.5 juta pada tahun 2016. Sektor ini merekodkan pertumbuhan negatif 19.3 peratus susulan

daripada pengurangan beberapa aktiviti seperti pemecahan batu, perlombongan emas dan bauksit.

27. Bagi tahun 2017, Pahang mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM2.1 bilion dalam Sektor Pembinaan berbanding RM1.8 bilion pada tahun 2016. Sumbangan Sektor Pembinaan kepada keseluruhan KDNK Pahang adalah 4.1 peratus pada tahun 2017 berbanding 3.8 peratus pada tahun sebelumnya. Antara projek utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

Pertama : Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP);

Kedua : Projek Peluasan Pelabuhan Kuantan;

Ketiga : Pembinaan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah, Kuantan;

Keempat : Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang, Pekan;

Kelima : Projek Tebatan Banjir Sungai Belat, Kuantan; dan

Keenam : *Central Spine Road*.

28. Kadar kemiskinan bagi Negeri Pahang pula menurun daripada 0.7 peratus pada tahun 2014 kepada 0.2 peratus pada tahun 2016.
29. Kerajaan Negeri telah mengamalkan pendekatan perbelanjaan secara berhemah. Pendekatan Belanjawan 2019 pada kali ini lebih menumpukan kepada penyelesaian program-program yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Pendekatan Belanjawan 2019 akan memberi tumpuan kepada 3 (tiga) perkara utama.

YANG PERTAMA : TRANSFORMASI PERKHIDMATAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

30. Kerajaan Negeri akan melaksanakan **Penstrukturan Semula Industri Bekalan Air Pahang** yang mana sebahagian pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.085 bilion dijangka dapat dikurangkan menerusi proses penstrukturan semula ini yang selaras dengan kehendak Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA 2006). Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sedang dalam proses perundingan memuktamadkan terma-terma untuk membolehkan penstrukturan semula Industri Bekalan Air Negeri Pahang dilaksanakan. Mengikut perancangan pihak Kementerian, penstrukturan ini akan dilaksanakan pada suku tahun pertama 2019.
31. Dalam memastikan pembangunan perumahan di Negeri Pahang yang lebih inklusif, Kerajaan Negeri turut mengambil kira golongan yang berpendapatan rendah dengan memperkenalkan **Projek Rumah Makmur** yang menawarkan rumah teres setingkat mampu milik berharga RM80 ribu bagi isi rumah yang berpendapatan di bawah RM5 ribu sebulan. Sehingga 31 Oktober 2018, sebanyak empat belas (14) projek telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melibatkan 5,506 unit rumah.
32. **Program PR1MA Pahang** akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Sehingga 15 November 2018 sebanyak 118

- projek dengan jumlah rumah sebanyak 37,389 buah rumah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Sebanyak 2,770 keluarga telah mendapat manfaat langsung daripada pelaksanaan projek PR1MA di seluruh Negeri Pahang.
33. Dasar sedia ada bagi projek pembangunan bercampur pula telah dipinda yang mana setiap pemaju akan dikenakan syarat pembinaan tiga puluh peratus (30%) Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) bagi setiap pembangunan melebihi tiga (3) ekar. Bagi pemaju yang memilih untuk pengecualian pembinaan Rumah Kos Sederhana Rendah, mereka dikehendaki untuk mencarum kepada suatu tabung. Pemaju akan mencarum sebanyak RM35 ribu bagi setiap rumah yang tidak dibina di dalam kawasan Majlis Perbandaran atau RM30 ribu di dalam kawasan Majlis Daerah. Tabung ini dikenali sebagai **Tabung Perumahan Rakyat Pahang**. Dana daripada tabung ini akan digunakan untuk membina rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah.
34. **Bagi mempercepatkan kelulusan Pindah Milik dan Gadaian Tanah, Pihak Berkuasa Negeri telah menurunkan kuasa kepada Pentadbir Tanah.** Ini merangkumi permohonan Kebenaran Pindahmilik dan Gadaian untuk tujuan kasih sayang antara suami-isteri dan anak-beranak termasuk waris kadim dan bukan waris kadim.
35. Bagi Permohonan Kebenaran dan Rayuan Pindahmilik, Gadaian dan Pajakan Tanah, Pihak Berkuasa Negeri telah menurunkan kuasa kepada Pengarah PTG bagi hakmilik Pejabat Pendaftar manakala

- bagi hakmilik Pejabat Tanah diturun kuasa kepada Pentadbir Tanah. Keputusan bagi permohonan yang lengkap akan dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja.
36. Pada bulan September 2018, bagi kelulusan permohonan di peringkat Pendaftar Hakmilik, iaitu melalui jual-beli Hakmilik Pendaftar, sebanyak 57 permohonan telah diluluskan dalam tempoh 10 hari bekerja.
37. Manakala bagi kelulusan di peringkat Pejabat Tanah, iaitu melalui pemberian kasih sayang dan jual beli Hakmilik Pejabat Tanah, sebanyak 102 permohonan pemberian kasih sayang telah diluluskan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja. Manakala bagi jual-beli pula, sebanyak 207 permohonan telah diluluskan dalam tempoh 10 hari bekerja.
38. **Peningkatan penguatkuasaan ke atas aktiviti pencerobohan tanah secara haram** akan terus menjadi fokus Kerajaan Negeri. Isu pencerobohan tanah kerajaan dan kecurian bahan mineral bukan sahaja memberi implikasi kepada kutipan hasil, malah turut menjejaskan alam sekitar dan kesejahteraan hidup rakyat.
39. Pemantauan berkala akan diteruskan terutamanya di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti penerokaan haram dan tindakan tegas di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan Enakmen Mineral 2001 akan dikenakan terhadap pihak yang menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang ini.

40. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah menggandakan pemantauan dan antara operasi penguatkuasaan yang telah dilaksanakan adalah Ops Ibam II dan Ops Lombong 3.0 yang telah melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan antaranya Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah, Jabatan Alam Sekitar dan Polis Diraja Malaysia.
41. Ops Ibam II yang melibatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan lesen mencari gali dan pajakan lombong di Hutan Simpan Ibam, Rompin telah dilaksanakan pada bulan Julai 2018, yang melibatkan 210 anggota daripada pelbagai agensi.
42. Manakala Ops Lombong 3.0 telah dilaksanakan dari 30 Oktober hingga 2 November lalu. Dalam operasi ini, longgokan bahan mineral bernilai RM1.5 juta telah dirampas, 16 orang termasuk lapan warganegara asing ditahan dan 34 jentera serta mesin pelbagai jenis dan tiga (3) buah lori telah disita di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.
43. **Hasil tanah** merupakan salah satu sumber pendapatan utama Kerajaan Negeri Pahang bagi tujuan membiayai pentadbiran dan pembangunan. Sasaran keseluruhan kutipan hasil tanah bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM315.60 juta dengan penyumbang utama adalah kutipan cukai tanah, royalti perlombongan, dan premium tanah.

44. **Cukai tanah** merupakan penyumbang terbesar kepada hasil negeri. Sasaran kutipan cukai tanah bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM136.86 juta. Sehingga 31 Mei 2018, cukai tanah yang telah dikutip adalah sebanyak RM97.79 juta. Selepas 1 Jun 2018, cukai tanah yang tidak dibayar akan dikira sebagai tunggakan dan pemilik tanah akan dikenakan bayaran denda lewat 10 peratus daripada jumlah cukai. Jumlah tunggakan cukai tanah sehingga 31 Oktober 2018 adalah sebanyak RM86.39 juta.
45. Bagi memastikan kutipan tunggakan cukai tanah dapat ditingkatkan, Pentadbir Tanah Daerah telah diarah untuk mengeluarkan Notis Tuntutan (Borang 6A) berdasarkan Seksyen 97 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 terhadap pemilik yang mempunyai tunggakan cukai tanah melebihi RM5 ribu dan ke atas.
46. Kerajaan Negeri juga telah memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menerima bayaran tunggakan cukai tanah dan denda lewat secara ansuran selaras dengan Seksyen 13, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Pembayaran secara ansuran ini hanya melibatkan jumlah tunggakan dan denda lewat yang melebihi RM1 ribu dan ke atas dan pemohon perlu menjelaskan bayaran sebanyak 20 peratus terlebih dahulu bagi mendapatkan kelulusan pembayaran secara ansuran. Pemohon perlu menjelaskan kesemua tunggakan cukai tanah dan denda lewat dalam tahun yang sama atau sebelum 31 Mei tahun berikutnya daripada tarikh surat kelulusan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

47. Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan **Perbadanan Pelaburan Pahang (*Pahang Investment Corporation – PIC*)** sebagai langkah strategik untuk penstrukturan dan meningkatkan prestasi anak-anak syarikat milik kerajaan negeri. Fungsi PIC adalah mengenal pasti sektor-sektor baharu untuk dibangunkan, memastikan tiada pertindihan fokus perniagaan antara anak-anak syarikat milik kerajaan negeri melalui pengasingan perniagaan dan memastikan setiap anak-anak syarikat milik kerajaan negeri berdaya saing untuk menjana pendapatan yang kukuh serta berterusan kepada Kerajaan Negeri.

48. Dengan meletakkan anak-anak syarikat ini di bawah satu bumbung, ia dapat memudahkan Kerajaan Negeri memantau prestasi berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*) ditetapkan di samping memberi khidmat nasihat kepada mereka untuk membuat pelaburan yang betul dengan pulangan yang menjanjikan keuntungan.

49. Bagi merapatkan jurang bersama masyarakat, Pejabat Menteri Besar telah mengambil inisiatif untuk membina satu portal aduan rasmi agar pelbagai aduan mengenai permasalahan masyarakat dapat disampaikan dengan lebih cepat dan telus kepada jabatan serta agensi yang terlibat. Sebarang aduan daripada masyarakat tentang urusan harian terhadap sektor kerajaan, badan berkanun dan swasta boleh disalurkan kepada aduan.wanrosdy.com.

50. Sehingga bulan Oktober 2018, sebanyak 275 aduan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 96 aduan telah dijawab, 48 aduan baru diterima, 20 adalah aduan yang tidak relevan dan 111 aduan dalam proses maklum balas. Pemantauan terhadap semua agensi kerajaan, badan berkanun dan swasta dalam mengambil tindakan terhadap setiap aduan yang diterima sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terhadap masyarakat berada pada tahap terbaik.
51. Alhamdulillah, berdasarkan maklum balas positif yang telah diterima daripada penubuhan portal aduan rasmi tersebut, Pejabat Menteri Besar akan membangunkan **Portal Cadangan Rakyat** dalam masa terdekat ini memandangkan banyak cadangan telah diberikan oleh individu yang terdiri daripada golongan usahawan, belia, profesional, penduduk luar bandar dan ramai lagi. Platform khas ini akan memberi peluang kepada rakyat Negeri Pahang daripada segenap lapisan masyarakat untuk turut serta dalam memberikan cadangan dan idea. Ini tentunya menunjukkan dasar keterbukaan Kerajaan Negeri dalam mentadbir di samping mengutamakan pendekatan *bottom-up* berbanding *top-down*. Pendekatan *bottom-up* ini perlu diambil perhatian kerana tidak semua perkara diketahui oleh Kerajaan Negeri dan ada kalanya cadangan daripada rakyat ini baik dan perlu diambil kira.
52. **Kerjasama yang baik dengan Kerajaan Pusat** akan diteruskan melalui sesi-sesi rundingan supaya Negeri Pahang tidak ketinggalan berbanding negeri lain. Jalinan hubungan yang baik merupakan agenda penting Kerajaan Negeri pada hari ini. Antara perundingan

yang sedang dilaksanakan adalah penstrukturan semula Industri Bekalan Air. Adalah diharapkan sesi rundingan sebegini akan dapat diteruskan sekaligus mencapai matlamat demi meningkatkan ekonomi Negeri Pahang.

53. Kerajaan Negeri akan meneruskan **program pembangunan teknologi maklumat** yang merangkumi peruntukan berjumlah RM1.83 juta. Sejumlah RM1.34 juta telah diperuntukkan bagi sewaan rangkaian 1PahangNet dengan tujuan meningkatkan kapasiti di semua lokasi agensi Kerajaan Negeri yang menyokong pelaksanaan Sistem Kewangan Akruan. Manakala sejumlah RM490 ribu pula diperuntukkan bagi menaik taraf kemudahan rangkaian sedia ada.
54. Sebanyak RM400 ribu juga akan disediakan bagi menaik taraf Pusat Data di beberapa daerah manakala RM250 ribu diperuntukkan kepada Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) bagi melengkapkan infrastruktur yang diperlukan sebagai persediaan kepada sebarang gangguan dan bencana.
55. Kerajaan Negeri juga telah bersedia untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang telah diperkenalkan pada tahun 2016 dengan memastikan perubahan transformasi digital Kerajaan Negeri ke arah *customer centric*, konsolidasi perkhidmatan digital pendidikan, ekonomi serta teknologi pintar. Beberapa inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan antaranya mewujudkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2017-2020 yang menjadi panduan utama dalam perolehan, pembangunan serta projek-projek berunsurkan teknologi

maklumat yang lebih berteraskan era Revolusi Industri 4.0 dan mewujudkan Polisi Keselamatan Siber.

56. Dalam usaha untuk **memastikan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan awam**, sebanyak RM3.48 juta telah diperuntukkan bagi pembelian aset pelbagai jabatan negeri bagi memastikan kelangsungan fungsi setiap jabatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Bagi tahun 2019, sejumlah RM315.33 juta disediakan bagi menampung pembayaran emolumen untuk semua Penjawat Awam Negeri termasuk kenaikan gaji dan lain-lain bayaran tahunan mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri.
57. Manakala bagi menampung pelbagai kos Perkhidmatan dan Bekalan, sebanyak RM161.66 juta telah diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut. Selain daripada itu, Belanjawan 2019 juga telah memperuntukkan Pemberian Bantuan Kekurangan Hasil kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berjumlah RM4.95 juta. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pemberian Caruman Bantu Kadar kepada semua PBT berjumlah RM3.1 juta.
58. Dalam tahun 2017, sebanyak empat (4) jabatan dan agensi Negeri Pahang telah mencapai pengiktirafan lima bintang, iaitu tahap cemerlang dalam Pengauditan Indeks Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan Tahun 2017. Jabatan dan agensi berkenaan ialah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang,

Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Pahang dan Majlis Daerah Maran.

YANG KEDUA: MENJANA PENDAPATAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

59. **Bagi Sektor Pertanian**, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM8.3 juta bagi melaksanakan pembangunan pertanian melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pengairan dan Saliran.
60. Kerajaan komited untuk meneruskan Program Pembangunan Industri Asas Tani dan Buah-Buahan dengan memperuntukkan sebanyak RM4.4 juta untuk membantu Jabatan Pertanian Negeri Pahang dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran untuk keperluan rakyat.
61. Bagi memantapkan sumber hasil negeri, Jabatan Pertanian Negeri Pahang akan terus melaksanakan program pembiakan dan pengeluaran anak-anak benih. Melalui program ini, sebanyak 60,000 anak benih akan dihasilkan bagi tujuan meningkatkan keluasan tanaman dan sekaligus meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

62. Latihan kepada petani juga turut dilaksanakan bagi mempelbagaikan kemahiran petani dan pengusaha industri asas tani. Justeru itu, sebanyak 420 kursus dan latihan telah dirancang sepanjang tahun 2019 dengan penglibatan seramai 8,400 orang petani di seluruh Negeri Pahang.
63. Pembangunan industri tenusu boleh menjadi sumber kekayaan baru bagi Negeri Pahang. "*Pahang Dairy Valley*" meliputi Rompin, Pekan dan Kuantan dilaksanakan sebagai salah satu Zon Pengeluaran Tenusu Negara. Kewujudan kawasan ini dikuatkan lagi dengan projek tenusu seperti *The Holstein Milk Company Sdn Bhd* dan pelaksanaan projek berkaitan tenusu di Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Kundang dan Rizab Haiwan Kampung Tebat, Pekan.
64. Menurut Pelan Strategik Pembangunan Tenusu Negeri Pahang menjelang tahun 2025, dijangkakan populasi induk lembu tenusu akan meningkat melebihi 10 ribu ekor dengan anggaran penghasilan susu segar mencecah sehingga 40 juta liter setahun dengan pendapatan penternak melebihi RM10 ribu sebulan.
65. Sebanyak RM1.4 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan haiwan ternakan termasuk program agropreneur muda yang berkonsepkan "*anchor-vendor*".
66. **Bagi sektor perikanan,** Kerajaan Negeri berusaha untuk mengekalkan sumber perikanan semulajadi melalui pemuliharaan, penambahan dan pengekalan stok ikan yang ada melalui program

kesedaran bersama komuniti, pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan darat. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM400 ribu bagi tujuan aktiviti akuakultur, santuari penyu, pelesenan dan program pembangunan nelayan darat.

67. **Bagi sektor pelancongan,** Kempen Tahun Melawat Malaysia Pahang 2017 ternyata telah membuahkan hasil yang menggalakkan. Kedatangan pelancong ke Negeri Pahang pada tahun 2017 telah meningkat sebanyak 13.8 peratus daripada 12.8 juta orang pada tahun 2016 kepada 14.8 juta orang pada tahun 2017. Ketibaan pelancong untuk tahun 2019 dijangkakan akan terus meningkat kepada 16 juta orang. Dijangkakan menjelang akhir tahun 2018, sejumlah 2,854 bilik hotel akan ditambah, menjadikan keseluruhan bilik hotel di negeri ini sebanyak 32,760 bilik. Pencapaian ini adalah yang kedua tertinggi dalam Malaysia.
68. Bagi terus menjadikan Pahang sebagai destinasi pelancongan pilihan, Kerajaan akan meneruskan galakan pelaburan terutamanya bagi pembinaan hotel-hotel bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang di lokasi-lokasi yang berpotensi. Langkah ini dapat membantu menyediakan penginapan bertaraf antarabangsa yang mencukupi sekaligus menarik kedatangan pelancong. Selain itu, destinasi pelancongan seperti Merapoh, Sungai Lembing, Endau Rompin, Pantai Sepat, "*Black Water Jewel*" di Bebar serta Lanchang akan terus diberi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

69. Sehubungan itu, bagi menyemarakkan lagi sektor pelancongan di Negeri Pahang, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM1.1 juta bagi penyediaan infrastruktur dan fasiliti pelancongan dan RM1 juta bagi tujuan penggalakan promosi pelancongan.
70. Negeri Pahang sangat bertuah kerana dianugerahi Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan pelbagai **sumber mineral** seperti bauksit, emas, bijih besi, pasir silika, timah dan kaolin.
71. Dalam tahun 2017, royalti ke atas pengubahhasilan mineral yang dikutip oleh negeri adalah RM20 juta berbanding RM18 juta pada tahun sebelumnya disebabkan faktor kenaikan semula harga bagi kebanyakan komoditi mineral di pasaran. Di samping itu, kelulusan-kelulusan baru bagi permohonan pajakan lombong oleh Kerajaan Negeri mendorong kepada pembukaan lombong-lombong baru yang menyumbang kepada peningkatan kutipan royalti, di samping kadarnya yang meningkat daripada 5 peratus kepada 10 peratus.
72. Sehingga kini, terdapat 212 kawasan lombong yang sedang beroperasi di seluruh Negeri Pahang berbanding 198 pada tahun 2017. Jumlah kutipan royalti direkodkan sebanyak RM54.113 juta bagi tahun 2016, RM47.45 juta bagi tahun 2017 dan RM11.52 juta sehingga Jun 2018, yang mana perbandingan kutipan bagi tahun 2016 dan 2017 menunjukkan penurunan sebanyak 12 peratus.
73. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan pengeluaran bijih besi sepanjang tahun berikutan ketidakstabilan harga bijih besi di

pasaran. Selain itu, pengenaan moratorium bagi mineral bauksit telah menyebabkan tiada pengeluaran bauksit dilakukan.

74. Bilangan kuari batuan bagi tahun 2018 adalah 32 buah. Aktiviti-aktiviti ini terus stabil dalam menampung permintaan pelbagai projek pembinaan infrastruktur terutamanya yang berskala besar seperti pembinaan Projek Taman Perindustrian Malaysia – China Kuantan (MKCIP), Projek Naik Taraf Lebuhraya Tun Razak, Projek Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa 1 dan Fasa 2 serta Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang, Pekan. Aktiviti ini dijangkakan terus berkembang pada tahun 2019 sekiranya projek pembinaan Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link* - ECRL) diteruskan.
75. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa aktiviti mengusahakan sumber mineral boleh menghasilkan impak yang negatif kepada alam sekitar kecuali aktiviti berkenaan diuruskan dengan teratur di samping penguatkuasaan yang ketat. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang sentiasa mengambil inisiatif untuk menambahbaik dan menguatkuasakan Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral 2001. Tabung pemulihan lombong yang diperuntukkan di bawah Enakmen Mineral 2001 membolehkan kawasan bekas tanah lombong dipulih semula.
76. **Sektor perhutanan** akan terus memainkan peranannya sebagai salah satu penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Negeri di mana sejumlah RM89.90 juta telah dikutip bagi tahun 2017. Bagi tahun 2018, sasaran sumbangan terhadap kutipan hasil Kerajaan

Negeri adalah berjumlah RM102 juta melalui kutipan bayaran premium, royalti dan caj-caj lain.

77. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan meluluskan peruntukan sebanyak RM1.9 juta bagi membiayai aktiviti pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan di negeri ini.
78. Projek-projek teras dan utama akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan sektor perhutanan merangkumi projek pembangunan berlandaskan penghutanan semula, penanaman semula dan pemulihan hutan.
79. Di samping usaha bagi meningkatkan kutipan hasil hutan, Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada aktiviti memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah untuk memastikan penggunaannya secara mapan. Kerajaan Negeri akan terus menjalankan projek-projek berkaitan eko-pelancongan dan biodiversiti hutan supaya khazanah negara yang tak ternilai ini dapat diwarisi oleh anak cucu kita.
80. **Manakala dalam sektor pelaburan**, Negeri Pahang telah berjaya mencapai beberapa kemajuan dalam pertumbuhan ekonomi walaupun dalam senario ekonomi dunia yang tidak menentu. Pembangunan industri, minyak, gas dan automatif merupakan penyumbang terbesar peningkatan ekonomi negeri khususnya bagi kawasan Gebeng, Kuantan dan Pekan.
81. Projek Taman Perindustrian Malaysia - China Kuantan (MCKIP) yang melibatkan pelaburan dua hala antara Malaysia - China berjumlah

RM1.6 bilion telah mula memberi impak yang positif kepada sektor pembuatan khususnya industri keluli dan aluminium. Projek ini telah bermula secara berperingkat sejak suku pertama 2017 dan telah mewujudkan sebanyak empat ribu peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

82. Seiring dengan pembangunan MCKIP ini juga, prasarana Pelabuhan Kuantan dan jalan penghubung pelabuhan bagi memudahkan laluan antara MCKIP, Pelabuhan Kuantan dan Lebu Raya Pantai Timur juga sedang dinaik taraf. Ini secara langsung akan memberi kesan positif dan menjadikan pelabuhan tersebut bertaraf dunia.
83. Pada tahun 2017, Pahang telah menerima pelaburan sebanyak RM24.2 bilion melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK).
84. Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diterima dalam Sektor Pembuatan pula adalah berjumlah RM129 juta. Manakala bagi Pelaburan Langsung Tempatan (DDI), Kerajaan Negeri telah menerima pelaburan berjumlah RM78.9 juta.

YANG KETIGA: MEMAKMURKAN KEHIDUPAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

85. Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjaga **kebijakan rakyat**. Dalam keadaan situasi kewangan yang sedia ada, Kerajaan

Negeri akan tetap meneruskan usaha dan program pembangunan untuk mensejahterakan kebajikan rakyat dengan meneruskan bantuan kepada golongan memerlukan seperti OKU, pesakit kronik, ibu tunggal yang miskin dan anak-anak yatim.

86. Bagi tahun 2019, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diperuntukkan sejumlah RM13.48 juta untuk penerima Bantuan Am. Seramai 3,436 orang akan terus mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut dengan kadar bantuan RM300 sebulan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan terus memperuntukkan maksimum RM1 ribu kepada mangsa bencana alam yang layak melalui Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang.
87. **Jaringan jalan raya** yang baik dan berkualiti merupakan faktor utama dalam menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negeri. Justeru, bagi menjamin kelangsungan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM236.61 juta daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 di bawah Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri, jalan kampung dan jalan ladang. Sehingga 15 November 2018, pendaftaran jalan yang direkodkan adalah 19,217 kilometer berbanding 16,893 kilometer pada 31 Disember 2017, peningkatan sebanyak 2,323 kilometer atau 13.75 peratus.
88. Pembangunan rangkaian jalan raya yang lebih luas dan efisien dapat membantu melicinkan pengaliran trafik, pengurangan kesesakan lalu lintas dan mengurangkan kadar kemalangan jalan

raya. Pelbagai projek bagi mempertingkatkan capaian dan mobiliti dengan menaik taraf jalan mengikut fasa sehingga tahun 2050 terus dilaksanakan. Antara projek naik taraf jalan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah Projek Menaik taraf Jalan Persekutuan Gambang-Segamat dan pelaksanaan Projek *Central Spine Road*.

89. Belanjawan 2019 juga tidak melupakan tumpuan kepada **program pembangunan sosial** yang memberi impak terus kepada golongan sasaran. Sejumlah RM17.55 juta telah diperuntukkan untuk meneruskan pelbagai projek pembangunan sosial termasuk Program Pembasmian Kemiskinan, Projek Kecil Kampung dan Projek Khas Negeri.
90. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang akan memberi tumpuan kepada perancangan dan pelaksanaan pelbagai program pembangunan sebagai sumbangan kepada peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup penduduk, pemuliharaan alam sekitar dan juga kemajuan sektor pertanian. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM2.5 juta bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Daerah (RTB) dan pengurusan lembangan sungai. Di antaranya adalah Projek RTB di Dong, Raub dan Kampung Sungai Ikan, Cameron Highlands serta Rancangan Pemulihan Koridor Sungai Semei dan Sungai Triang di Lembangan Sungai Pahang.
91. Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) yang meliputi Program Tebatan Banjir, kawalan hakisan tebing, mendalamkan sungai dan Saliran Mesra Alam akan terus dilaksanakan dalam

usaha mengurangkan masalah banjir dan menambahbaik kelestarian alam sekitar. Naik taraf dan pembinaan kemudahan sistem pengairan dan saliran pertanian di skim-skim luar jelapang padi dan pengairan sedia ada, dan kawasan yang berpotensi untuk dimajukan juga turut diambil kira.

92. Bagi **sektor kesihatan**, terdapat sebelas (11) hospital kerajaan di Negeri Pahang yang memberi perkhidmatan rawatan manakala sebuah hospital lagi masih dalam pembinaan iaitu Hospital Bera.
93. Untuk tahun 2017 sahaja seramai 1.2 juta pesakit hadir ke hospital kerajaan di Pahang untuk menerima rawatan. Seramai 156 ribu pesakit dirawat di dalam wad hospital. Selebihnya dirawat di Jabatan Pesakit Luar Hospital, Jabatan Kecemasan dan Klinik Pakar Hospital. Pada masa ini, terdapat lima (5) buah hospital berpakar Kerajaan di Kuantan, Lipis, Temerloh, Bentong dan Pekan.
94. Untuk mendekatkan masyarakat dengan perkhidmatan kepakaran, maka telah diwujudkan inisiatif hospital kluster di negeri ini. Terdapat tiga (3) zon kluster iaitu Kluster Pahang Tengah yang melibatkan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh sebagai *lead* hospital dan merangkumi Hospital Bentong, Jengka dan Jerantut. Kluster Pahang Barat yang sedang dibangunkan melibatkan Hospital Kuala Lipis sebagai *lead* hospital dan melibatkan Hospital Raub dan Cameron Highlands. Seterusnya yang akan dimajukan melibatkan Kluster Pahang Timur yang melibatkan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Hospital Pekan, Hospital Rompin dan Hospital Muadzam Shah.

95. Projek Naik Taraf Fasa 2 Hospital Kuala Lipis telah dimulakan pada tahun 2014 iaitu pada Rancangan Malaysia Ke-10. Ia merupakan kesinambungan daripada Projek Naik Taraf Fasa 1 yang telah siap pada tahun 2011. Projek ini menelan belanja sebanyak RM57 juta dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Antara komponen utama projek adalah Jabatan Kecemasan dan Trauma, Wad Perubatan dengan 56 katil, Unit Suci Hama, Unit Dietetik dan Sajian serta tempat letak kereta bertingkat.
96. Adalah diharapkan dengan siapnya projek ini bukan sahaja dapat memberi keselesaan kepada pesakit yang menerima rawatan di Hospital Kuala Lipis, malah ia akan menjadikan Hospital Kuala Lipis sebagai pusat rujukan utama bagi kawasan Pahang Barat.
97. **Liputan air bersih** di Negeri Pahang pada masa ini telah pun mencapai 98 peratus, di mana kawasan bandar telah mendapat 100 peratus bekalan air bersih manakala kawasan luar bandar pula mencapai 96 peratus. Kadar Kehilangan Air Yang Tidak Berhasil (*Non-Revenue Water* - NRW) pula berada pada tahap 47.85 peratus. Oleh itu, fokus Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 adalah Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Yang Tidak Berhasil. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran air terawat dan seterusnya meningkatkan kapasiti bekalan dan perluasan kawasan agihan bekalan.

98. **Bagi memperkasakan capaian telekomunikasi,** penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi dan jalur lebar akan terus ditambah baik dan menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Antara usaha yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri melalui Telekom Malaysia Pahang bagi penambahbaikan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi pada tahun 2018 dan 2019 adalah Projek *Rural Broadband* (RBB) Benta, Pusat Internet Kuala Tahan, pelancaran Desa Digital Kampung Sri Makmur, Maran dan pelancaran Desa Digital di Lurah Bilut, Bentong.
99. Sejumlah RM8.4 juta diperuntukkan melalui Projek Jalur Lebar Luar Bandar di Bukit Mendi, Benta, Chini, Jengka 6, Kuala Krau dan Jengka 12. Manakala RM11 juta diperuntukkan di kawasan Lepar Utara dan Kuala Tahan. Karak dan Triang juga tidak ketinggalan apabila RM2 juta akan dibelanjakan bagi meningkatkan mutu jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan tersebut dan sekitarnya. RM40 juta pula akan diperuntukkan di Pulau Tioman bagi tujuan penambahbaikan dan meningkatkan kelajuan jalur lebar dan RM10 juta diperuntukkan di kawasan sekitar daerah Kuantan.
100. Di samping itu juga, Bukit Fraser dan Seberang Guai akan ditambah baik mutu perkhidmatannya dengan anggaran kos sekitar RM8 juta. Hampir 90 peratus sumber kewangan adalah dari Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat di bawah seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan MultiMedia Malaysia (SKMM) dan 10 peratus dari Telekom Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

101. **Bagi sektor pendidikan**, bilangan sekolah di Negeri Pahang sehingga kini berjumlah 737 buah, yang terdiri daripada 197 buah sekolah menengah dan 540 buah sekolah rendah. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah diperuntukkan RM19.10 juta bagi pelaksanaan aktiviti murid. Manakala, siling peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ke-11 yang diluluskan berjumlah RM621.27 juta merangkumi 27 buah projek baru, gantian dan tambahan.

102. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang turut menyediakan Biasiswa Sekolah Rendah (BSR) dan Biasiswa Sekolah Menengah (BSM) kepada murid di seluruh Negeri Pahang. Bagi tahun 2019, agihan biasiswa ini akan memberi manfaat kepada 49,452 pelajar penerima Biasiswa Sekolah Rendah (BSR) dan penerima Biasiswa Sekolah Menengah (BSM) dengan peruntukan berjumlah RM23.74 juta. Yayasan Pahang juga akan memperuntukkan RM5 juta bagi meneruskan pemberian Geran Bantuan Belajar ke IPT secara "*one-off*" kepada 10 ribu anak Pahang yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana (Master) dan Kedoktoran (PhD).

103. Program **pendidikan agama** akan terus memberi fokus kepada pengukuhan pendekatan ajaran Islam bagi melahirkan generasi yang mempunyai jati diri dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran transformasi dan arus globalisasi. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperuntukkan RM28 juta bagi

- pembiayaan elaun kepada seramai 2,560 orang guru KAFA di seluruh Negeri Pahang.
104. Manakala, Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi pembayaran elaun kepada 350 orang guru Kelas Al-Quran Asrama yang bertanggungjawab mendidik para pelajar sekolah rendah dan menengah yang tinggal di asrama seluruh Negeri Pahang sama ada di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN), mahupun di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan.
105. Bagi melahirkan pelajar SMAN yang lebih kompetitif, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan kelas aliran Sains Tulen di lima (5) buah SMAN iaitu SMA Al-Ihsan Kuantan, SMA Al-Khairiah Temerloh, SMA Al-Maidah Ad-Diniah Padang Tengku, Maahad As-Sultan Ahmad Shah Addini Bandar Jengka dan SMA Tengku Ampuan Fatimah Pekan dengan memperuntukkan RM180 ribu setahun bagi pembelian peralatan makmal. Program pengukuhan penguasaan Bahasa Arab di kalangan pelajar peringkat menengah dan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah juga turut dilaksanakan dari semasa ke semasa.
106. Kerajaan Negeri melalui inisiatif Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (*Pahang Skills*) akan terus menyediakan **latihan kemahiran** dengan menekankan aspek pembangunan modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan serta relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan. Pada tahun 2017, *Pahang Skills* telah melatih 1,834 orang pelajar bagi kursus jangka pendek.

Manakala bagi lepasan Sijil Persekolahan, seramai 568 orang telah menerima latihan.

107. Secara keseluruhannya, *Pahang Skills* telah melatih lebih 52 ribu orang pelajar dan pelatih meliputi pelbagai kursus jangka pendek dalam bidang teknikal, literasi komputer, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta graduan peringkat diploma dan sijil dalam bidang pengkomputeran. Tahap kebolehsasaran adalah melebihi 88 peratus sama ada di sektor swasta atau kerajaan. Kerajaan Negeri kini dalam usaha meningkatkan infrastruktur dengan meningkatkan bilangan pelatih dan pelajar daripada 3,500 orang pelajar dan pelatih kepada 4,000 orang pelajar dan pelatih.
108. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM1.45 juta bagi tujuan penggantian, naiktaraf, selenggara peralatan makmal sedia ada dan makmal baru, penyenggaraan bangunan dan kampus serta pembinaan jalan masuk baru. Cadangan pembinaan asrama juga akan dibangunkan dalam kawasan tanah seluas 9.15 hektar iaitu bersebelahan dengan kampus sedia ada.
109. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM745 ribu bagi pembangunan Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bagi tujuan langganan buku jurnal, menambah baik kemudahan asrama, pemberian geran pembangunan dan penyelidikan inovasi, pembangunan akademik kakitangan serta naik taraf infrastruktur WiFi. Selain daripada itu, RM100 ribu juga diperuntukkan bagi pembangunan auditorium yang merupakan projek sambungan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

110. Sejak penubuhan Yayasan Pahang pada tahun 1983, sejumlah RM80 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan **Program Peningkatan Kualiti Pendidikan** bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) dan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP). Ianya bertujuan untuk membantu golongan murid yang lemah untuk meningkatkan prestasi pencapaian mereka dalam bidang akademik.
111. Kerajaan Negeri Pahang juga memperuntukkan sejumlah RM130 ribu kepada Majlis Sukan Pahang (MSP) bagi tujuan penyenggaraan kemudahan sukan dan meluluskan pembinaan dan menaiktaraf Rumah Bot di Balok dengan peruntukan RM100 ribu.
112. Golongan belia akan terus diperkasakan dengan pelbagai aktiviti dan program yang dapat membentuk jati diri mereka berteraskan kepimpinan dan nilai-nilai murni serta seimbang dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah. Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM260 ribu bagi bantuan pengurusan kepada Majlis Belia Negeri Pahang dan Majlis Belia Daerah di seluruh negeri. Penyaluran peruntukan ini akan membantu perancangan dan pelaksanaan program bagi membentuk belia yang berdaya saing.
113. Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap **pembangunan Orang Asli** dengan pelaksanaan program-program pembangunan infrastruktur asas, peningkatan intelek dan pendidikan, dan pengupayaan ekonomi kepada semua lapisan masyarakat.

114. Untuk tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.3 juta untuk pembangunan infra sosial masyarakat Orang Asli Negeri Pahang. Peruntukan ini merangkumi Program Pembinaan Rumah Baru (PBR) sebanyak 18 unit, dan projek baik pulih sebanyak 50 unit. Peruntukan yang disalurkan ini bertujuan untuk memastikan masyarakat Orang Asli dapat bersama-sama menikmati arus pembangunan yang sedang dikecapi oleh seluruh rakyat Malaysia ketika ini.
115. Bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli Negeri Pahang, sebanyak RM1.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program-program pengupayaan ekonomi dan keusahawanan melalui Program Pembangunan Ekonomi (PPE). Antara program yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan Program Pembangunan Ekonomi (PPE) adalah Program Ladang Masyarakat dan Program Usahawan yang melibatkan perniagaan secara komersial. JAKOA juga terus membantu pelajar Orang Asli dengan **Program Pembangunan Pendidikan** yang telah dirangka oleh kementerian dan JAKOA. Bantuan seperti kemudahan pengangkutan, wang saku pelajar dan bantuan makanan ke sekolah akan diteruskan.
116. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.7 juta bagi **Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA)**. Program ini merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi melahirkan modal insan di kalangan masyarakat orang asli

bersesuaian dengan arus pembangunan negara yang berasaskan ajaran Islam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

117. Mengambil kesempatan ini, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada anggota keselamatan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atas pengorbanan menjaga keselamatan negara tercinta. Tidak dinafikan, keamanan yang sama-sama kita kecapai hari ini adalah hasil daripada tanggungjawab dan peranan yang telah dimainkan oleh anggota-anggota pasukan keselamatan ini. Oleh itu, kita akan terus menghargai akan tanggungjawab dan peranan besar oleh mereka.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

118. Penjawat awam merupakan tunggak kepada jentera pentadbiran kerajaan. Mereka inilah yang bekerja keras siang dan malam menggembleng tenaga, usaha dan idea untuk memastikan setiap agenda dan perancangan kerajaan dapat direalisasikan dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

119. Untuk itu, bagi menghargai pengorbanan dalam mendukung kemajuan negeri serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap lagi berkesan, maka dengan sukacitanya saya mengumumkan pemberian Bantuan Khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam gred 54 dan ke

bawah. Bagi tujuan pembayaran ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3.7 juta yang akan memberi manfaat kepada seramai 7,405 penjawat awam dan pembayaran ini akan dibuat pada Disember 2018.

120. Walaupun jumlah ini tidak seberapa, namun adalah diharapkan ianya sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban kewangan di kalangan penjawat awam. Ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan Negeri Pahang.

121. Saya dengan ini juga meminta agar rakyat pelbagai kaum, agama dan bangsa dapat terus mengekalkan hidup penuh keharmonian dengan sentiasa memelihara perpaduan sesama kita. Sememangnya kita hidup dalam masyarakat yang majmuk dengan penuh kepelbagaian tetapi inilah sebenarnya keunikan kita dan kita akan terus cemerlang berasaskan perpaduan dalam kepelbagaian.

PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya dengan ini membentangkan Belanjawan 2019 dan mohon mendapat sokongan.

Saya mohon mencadangkan.